



جاہتہن حال احوال اکام اسلام نکری سابه

KHUTBAH JUMAAT 25 ZULKAEDAH 1441H BERSAMAAN 17 JULAI 2020M

KEUTAMAAN DALAM KEHIDUPAN

DISEDIAKAN OLEH: JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿ أَجْعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، يَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

SIDANG JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan penuh istiqamah melaksanakan segala perintah dan menjauhi laranganNya. Semoga kehidupan kita sentiasa dilimpahi rahmat dan 'inayahNya dalam kita menelusuri kehidupan di dunia ini.

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Agama Islam menyuruh umatnya menggunakan akal dan kebijaksanaan dalam mengurus kehidupan bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah. Dalam kita mengatur kehidupan ini, ulama telah menggariskan beberapa panduan dengan meletakkan susunan keutamaan. Keutamaan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada suatu kaedah dalam memahami perkara-perkara yang perlu diberi prioriti dengan meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sebenar. Keutamaan itu juga perlu kepada pertimbangan yang adil meliputi perbuatan, kognitif, hukum hakam serta nilai atau "Akhlakul Karimah" (yakni akhlak yang mulia). Maka

sesuatu perkara yang menduduki tangga keutamaan hendaklah didahulukan, kemudian disusuli tahap yang penting, kemudian yang kurang penting serta selanjutnya.

SAUDARAKU JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Dalam menentukan hala tuju kehidupan, keutamaan yang digariskan dalam agama hendaklah menjadi pelengkap kepada *Maqasid Syariah* yang lima iaitu menjaga agama, menjaga diri (jiwa), menjaga akal, menjaga harta dan menjaga nasab keturunan. Maka tahap keutamaan yang perlu kita laksanakan itu antara lain seperti berikut :

Pertama : Perubahan kaedah pola fikir pada diri seseorang sebelum perubahan dalam kumpulan. Maksudnya disini , perubahan sendiri iaitu perubahan sikap diri seseorang lebih diutamakan dahulu sebelum mencorak kumpulan di sekeliling. Dalam bahasa mudahnya, mulakan dengan diri sendiri dahulu. Rasulullah SAW pernah bersabda yang mafhumnya :

“Orang yang bijak adalah orang yang bermuhasabah tentang dirinya (sebelum dihisab pada hari akhirat kelak) ,dan beramal untuk kehidupan sesudah mati. Sedangkan orang yang lemah ,adalah orang yang mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan terhadap Allah SWT“ (HR.at-Tirmizi)

Keduanya ialah membangunkan dakwah dan Tarbiyyah. Perkara yang perlu kita lakukan kepada masyarakat islam saat ini , adalah usaha kearah menyuruh kepada kemaarufan, berakhlak mulia, menjaga maruah dan mencegah kemungkaran. Rasulullah SAW ketika berhadapan dengan kaum musyrikin, baginda telah menerima pelbagai ancaman dan kekerasan. Namun baginda menghadapinya dengan kesabaran dan ketenangan ,kerana yang menjadi keutamaannya ketika itu adalah usaha dakwah dan tarbiyyah.

Dalam perbahasan usaha dakwah dan tarbiyyah ini, pelbagai disiplin kehidupan sejagat perlu diambilkira. Sudut perekonomian misalnya, keutamaan dalam memperkasakan ekonomi diri, keluarga, masyarakat, Negeri dan Negara juga merupakan usaha keagamaan. Islam tidak sekadar persoalan “rabbaniyyah” (yakni ketuhanan), akan tetapi turut merangkumi setiap bidang kehidupan termasuk bidang sains, perekonomian, perubatan dan lain-lain lagi.

SIDANG JAMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Marilah kita bersama-sama membina neraca kehidupan dengan meletakkan keutamaan sebagaimana yang diajarkan oleh Islam.. Hidup orang yang berilmu itu ibarat pisau bermata dua. Kedua-dua belah pisau itu tajam. Sekiranya ilmu yang digunakan itu untuk tujuan kebaikan, maka sudah pasti akan menatijahkan keuntungan dan manfaat sejagat. Begitulah

sebaliknya , andaikata digunakan untuk tujuan kejahatan dan kemaksiatan, nescaya mata pisau tersebut akan menikam dan memakan tuannya sendiri.

Untuk itu marilah kita bermohon kepada Allah agar dikurniakan RahmatNya dengan kehidupan yang aman dan sentosa. Mohon dijauhkan daripada perbuatan pelampau yang boleh membawa kepada kerosakan dan kebinasaan. Suburkanlah perpaduan diantara rakyat pelbagai kaum, eratkan hubungan diantara kita. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra, ayat 7 :

إِنْ أَحْسَنْتُمْ أَحْسَنْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا ...

Yang bermaksud : *Jika kamu berbuat kebaikan, (maka faedah) kebaikan Yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu; dan jika kamu berbuat kejahatan, maka (kesannya Yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga.*

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَأَيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ
مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.
Tel: 088-522127 @ 088-522142